

### Modul PBD

1. (a) Penggunaan bahasa yang tidak beradab dalam persahabatan  
(b) Perwatakan dan personaliti yang tidak sama dalam persahabatan  
(c) Kedudukan sosial dan ekonomi yang berbeza  
(d) Amalan yang bertentangan dengan prinsip kejujuran, ketelusan dan kepercayaan dalam persahabatan  
(e) Perbezaan agama, bangsa dan budaya yang berlainan dalam persahabatan  
(f) Halangan akibat perbezaan jantina
2. (a) Menerima budaya dan latar belakang sahabat
  - Mengenali budaya dan adat resam yang diamalkan
  - Menghormati kepercayaan dan amalan agamanya  
(b) Menerima kelebihan dan kekurangan sahabat
  - Memberikan layanan yang sopan
  - Memberikan perhatian ketika berkomunikasi  
(c) Bertoleransi sesama sahabat
  - Bertolak ansur dan sabar semasa menghadapi konflik
  - Bersedia untuk mendengar pandangan sahabat  
(d) Meningkatkan kemahiran berkomunikasi
  - Bertutur dengan penuh ikhlas
  - Mengawal emosi semasa bercakap  
(e) Mewujudkan perasaan bertimbang rasa dan empati
  - Prihatin terhadap perasaan sahabat
  - Menyedari tanggungjawab dan peranan masing-masing  
(f) Membuat perundingan
  - Mengenal pasti punca berlakunya konflik
  - Bersemuka dengan hati yang terbuka

3. (a) Menyelesaikan konflik dengan mencapai kata sepakat  
(b) Menjaga hubungan yang harmoni dalam persahabatan  
(c) Mengeratkan hubungan persahabatan  
(d) Mengelakkan campur tangan orang lain  
(e) Mengelakkan berlakunya tekanan emosi
4. (a) Mengelakkan hubungan menjadi renggang  
(b) Mengelakkan berlakunya perselisihan faham dan percaduhan  
(c) Mengelakkan konflik menjadi semakin berlarutan/teruk  
(d) Hubungan persahabatan dapat dipulihkan
5. (a) Terharu kerana Kartini sangat jujur dan berpegang pada janjinya  
(b) (i) Memahami situasi Kartini  
(ii) Memberi cadangan penyelesaian kepada Kartini tanpa memaksa atau bermasam muka  
(c) Jiran Kartini akan berkecil hati kerana Kartini telah memungkiri janji dan pergi ke pasar raya bersama-sama Adella  
(d) (i) Adella mengajak Kartini pergi ke pasar raya pada hari lain  
(ii) Kartini bersetuju untuk menemani Adella ke pasar raya pada hari lain

### Power KBAT

1. Rakan sangat penting dalam kehidupan remaja kerana remaja banyak menghabiskan masa bersama-sama rakan. Remaja juga lebih selesa berkongsi masalah atau cerita dengan rakan berbanding dengan ibu bapa.
2. Seseorang yang menghadapi konflik dengan sahabat akan menghadapi tekanan perasaan. Hal ini demikian kerana, sahabat yang selalu bersama-sama telah menjauhkan diri. Dia telah kehilangan sahabat yang menjadi teman berbicara dan tempat untuk meluahkan masalah.
3. (a) Dapat mengenali dan mempelajari budaya kaum lain  
(b) Memupuk sikap tolak ansur demi keharmonian hidup

Terima mana-mana jawapan yang munasabah